



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
(5 MEI 2018M/ 19 SYAABAN 1439H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ وَمَا اخْتَلَفَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ إِلَّا مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَهُمُ الْعِلْمُ بَغْيًا
يَبْغُونَهُ وَمَنْ يَكْفُرْ بِآيَاتِ اللَّهِ فَإِنَّ اللَّهَ سَرِيعُ الْحِسَابِ

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin Yang di Rahmati Allah,

Di kesempatan berada pada hari Jumaat dalam bulan Syaaban yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita memperoleh keberkatan dan keredhaan serta perlindungan Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk:

“KESEDARAN KESELAMATAN KEBAKARAN DALAM MASYARAKAT”

Muslimin Yang di Rahmati Allah,

Sejarah ketamadunan manusia telah menunjukkan betapa nikmatnya keamanan yang memberi sumbangan besar kepada kemakmuran dan kesejahteraan dunia. Kesejahteraan bererti kita bebas daripada segala bentuk ancaman yang menggugat keharmonian hidup. Kita amat bersyukur kerana negara kita berada dalam suasana aman dan damai. Dengan kesejahteraan dan ketenteraman yang dikecapi kita dapat melakukan urusan kehidupan dunia dengan tenang, aman dan dengannya juga boleh membawa banyak kebaikan serta rezeki kepada kita dan negara secara amnya.

Firman Allah SWT dalam surah an-Nahl ayat 112 :

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُّطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِّن كُلِّ مَكَانٍ
فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ اللَّهِ فَأَذَاقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ

Maksudnya: *“Dan Allah memberikan satu misalan; Sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, tetapi penduduknya kufurkan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan disebabkan apa yang mereka telah lakukan.”*

Memelihara kemakmuran dan keamanan adalah perkara yang dituntut dalam kehidupan tanpa mengira anutan agama, bangsa atau keturunan. Sejarah telah membuktikan bahawa, Nabi Ibrahim AS semasa meneroka pembukaan Mekah sebagai pusat ibadah dan tanah suci telah mendoakan agar Mekah dikurniakan Allah SWT dengan keamanan dan kemakmuran.

Mengambil kesempatan sempena dengan Sambutan Hari Anggota Bomba yang disambut pada 4 Mei setiap tahun, mimbar ingin menarik perhatian jemaah untuk bersama-sama mengimbas kembali tragedi-tragedi pahit yang telah menimpa negara dan pengorbanan anggota-anggota bomba dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran awam sentiasa terpelihara. Kita juga telah menyaksikan betapa sukar dan malangnya negara-negara di luar sana yang dilanda bencana alam, pelbagai kebakaran berprofil tinggi yang mengorbankan banyak nyawa dan melibatkan kerugian yang besar. Tidak dinafikan, banyak juga kes-kes kecemasan dan kebakaran besar yang berlaku di negara kita dan salah satu kes yang kita tidak dapat lupakan ialah kes kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah yang telah mengorbankan seramai 21 pelajar dan 2 orang tenaga pengajar pada tahun lepas. Insiden ini telah mengingatkan kita kembali kepada kes kebakaran yang berlaku di Maahad Taufiqiah, Padang Lumat, Kedah yang telah mengorbankan 27 nyawa pelajar pada 28 tahun yang lalu. Ekoran daripada insiden tersebut, kerajaan telah meluluskan dana segera sebanyak RM30 juta pada tahun lepas dan RM50 juta lagi pada tahun ini khusus untuk membaik pulih aspek keselamatan kebakaran di pusat-pusat tahfiz di seluruh negara. Kejadian yang tragis seperti ini, menuntut kita sebagai masyarakat yang prihatin untuk sama-sama memainkan peranan dalam aspek pencegahan keselamatan kebakaran.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sememangnya mengalakkan penglibatan masyarakat atau komuniti setempat dalam penyebaran maklumat berkenaan pencegahan kebakaran di dalam kawasan kediaman. Sebanyak 347 pasukan Bomba Komuniti dan

MyBomba telah berjaya ditubuhkan dengan keanggotaan seramai 4,570 orang. Melalui program seperti ini, jabatan terus mendampingi masyarakat tidak kira di desa mahupun di kota demi menjadikan aspek pencegahan kebakaran dan tindakan awal kecemasan menjadi suatu budaya di kalangan masyarakat. Komuniti atau masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk sama-sama menjaga kesejahteraan dan keharmonian negara daripada sebarang musibah kecemasan yang melibatkan kebakaran. Kita dapati antara salah satu sebab nilai kerugian meningkat dan bilangan kes kematian yang tinggi adalah disebabkan orang ramai lewat menghubungi pihak Jabatan Bomba. Sehubungan dengan itu, Jabatan Bomba juga telah memperkenalkan satu aplikasi baru yang dinamakan iBomba bagi membolehkan orang ramai menghubungi jabatan untuk menyalurkan aduan atau mendapatkan maklumat dengan lebih cepat dan ianya boleh dimuat turun melalui telefon pintar. Bagi kes-kes KECEMASAN seperti kebakaran, orang ramai perlu menghubungi talian 999 untuk tindakan selanjutnya daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Mungkin masih ada yang tidak menyedari kepentingan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam memastikan kesejahteraan masyarakat di negara ini. Pada setiap tahun, Jabatan Bomba menerima panggilan kebakaran dan penyelamatan yang agak tinggi dan membimbangkan kita semua. Perkara ini perlu diberi perhatian serius oleh setiap lapisan masyarakat untuk memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing mengenai kesedaran keselamatan kebakaran di sekeliling kita. Janganlah kita memandang ringan dan

bersikap sambil lewa dalam aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran kerana kebakaran boleh berlaku bila-bila masa sahaja sama ada di premis kediaman kita atau pun di tempat-tempat awam. Masyarakat amat digalakkan untuk mempelajari aspek-aspek ilmu kebombaannya seperti tatacara penggunaan alat pemadam api, kaedah-kaedah perlepasan diri semasa kecemasan dan perkara-perkara lain yang berkaitan kebombaannya untuk digunapakai sama ada untuk diri sendiri atau ketika memberi bantuan kepada orang lain. Janganlah kita anggap bahawa aspek keselamatan kebakaran merupakan tugas dan tanggungjawab bomba semata, anggaplah ianya tanggungjawab kita juga sebagai anggota masyarakat.

Selain itu, masyarakat juga perlu menyedari tentang kepentingan pili bomba sentiasa berada di dalam keadaan baik dan boleh digunakan semasa berlaku kebakaran. Jabatan Bomba amat menggalakkan orang ramai untuk menyertai Program Teman Pili Bomba untuk sama-sama menjaga dan membuat aduan dengan kadar segera apabila berlaku kerosakan terhadap pili bomba yang berada di sekeliling kita. Orang ramai digalakkan untuk mengadakan Alat Pemadam Api dan memasang Alat Pengesan di premis kediaman bagi membolehkan kita bertindak awal semasa berlaku kecemasan. Begitu juga dengan pemasangan jeriji yang diluluskan oleh Jabatan Bomba di premis kediaman masing-masing bagi memastikan kita dapat melepaskan diri semasa berlaku kecemasan. Selain itu, kita juga perlu menunjukkan sikap prihatin, bertanggungjawab dan menghargai kemudahan kebombaannya seperti Alat Pemadam Api, Sistem Salur Bantu Mula, Loceng Kecemasan dan lain-lain yang di pasang di premis-premis agar tidak dirosakkan serta menjadi mangsa vandalisme ataupun disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Perbuatan tidak bertanggungjawab ini dibenci oleh Allah SWT sebagaimana firmanNya dalam Surah Al-A'raf ayat 56 yang berbunyi:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ
اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya: *"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoalah kepadanya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terharap-harap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya".*

Muslimin Yang di Rahmati Allah,

Dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada masyarakat, terdapat halangan dan cabaran yang perlu dihadapi oleh anggota bomba disebabkan sikap tidak bertanggungjawab segelintir masyarakat. Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, jumlah panggilan palsu yang diterima pada tahun 2017 ialah sebanyak 350 iaitu purata 29 kes sebulan. Masalah ini telah merencatkan dan mengganggu tugas-tugas bomba dalam memastikan perkhidmatan berkualiti dan pantas dapat diberikan kepada masyarakat. Bayangkan sekiranya bomba telah menerima 1 panggilan dan terus bergegas ke tempat kejadian tersebut tetapi didapati panggilan berkenaan ialah panggilan palsu walhal pada masa yang sama kejadian kebakaran yang sebenar telah berlaku ditempat lain. Bagaimana perasaan keluarga mangsa yang sepatutnya dapat diselamatkan namun terkorban disebabkan sikap tidak bertanggungjawab oleh sesetengah

pihak seperti ini?. Sehubungan dengan itu, mimbar menyeru kepada semua jemaah sekalian untuk menyedari kepentingan talian kecemasan 999 yang disediakan khas untuk panggilan kecemasan sahaja. Berilah penerangan dan pendidikan kepada ahli keluarga dan rakan-rakan agar talian kecemasan tersebut tidak disalahgunakan.

Sidang Jumaat Yang Dimulihkan,

Sekali lagi, sempena dengan Sambutan Hari Anggota Bomba yang disambut pada 4 Mei pada setiap tahun, mimbar menyeru sidang jemaah sekalian untuk sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT dan mendoakan kesejahteraan buat anggota bomba yang sedang bertugas demi kesejahteraan, keselamatan dan kemakmuran rakyat agar mereka dilimpahi rahmat dan dipelihara Allah sepanjang masa. Mudah-mudahan dengan itu, rakyat dan negara kita beroleh keberkatan yang berpanjangan.

Mengakhiri khutbah, mimbar mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang telah disampaikan sebagai pedoman dan pegangan, antaranya:

Pertama:

Memelihara kesejahteraan yang dinikmati pada masa ini adalah perkara yang dituntut dalam kehidupan tanpa mengira anutan agama, bangsa atau keturunan.

Kedua:

Janganlah kita melakukan perkara-perkara yang boleh mengugat keselamatan orang lain.

Ketiga:

Tanggungjawab menjaga keselamatan kebakaran dan menyelamatkan bukanlah tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia semata-mata, ianya merupakan tanggungjawab kita bersama.

Marilah sama-sama kita berdoa ke hadrat Allah SWT agar hidup kita ini dilindungi daripada segala malapetaka yang boleh membawa kehancuran kepada rakyat Malaysia yang cintakan kesejahteraan. Ingatlah bahawa memelihara nikmat kesejahteraan merupakan sebahagian daripada ajaran Islam iaitu agama yang membawa kepada keamanan sejagat .

Marilah sama-sama kita merenung firman Allah SWT dalam surah an-Naml ayat 89:

مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ خَيْرٌ مِنْهَا وَهُمْ مِنْ فَزَعٍ يَوْمَئِذٍ آمِنُونَ

Maksudnya: “Sesiapa yang datang dengan kebajikan maka ia akan beroleh yang lebih baik daripadanya, dan mereka akan beroleh keamanan pada hari kiamat”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.